

20 SEP 1996
UNGA-reakasi

PERLANTIKAN RAZALI KE UNGA SATU PENGIKTRIFAN KEPADA USAHA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Perlantikan Tan Sri Razali Ismail sebagai Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) yang baru merupakan satu pengiktirafan kepada usaha-usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke arah keadilan dan keamanan dalam isu-isu yang melibatkan masyarakat antarabangsa.

Presiden Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia (UNMA) Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen berkata perlantikan itu juga mencerminkan kedudukan mantap negara ini di arena antarabangsa.

"Perlantikan Tan Sri Razali adalah satu penghormatan kepada Malaysia dan menunjukkan dengan jelas pandangan tinggi dan keyakinan badan dunia itu terhadap kebijaksanaan dan kebolehannya untuk menjalankan tugas berat membawa kejayaan kepada Perhimpunan Agung PBB ke-51 melalui perbincangannya," kata beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Razali memulakan tugas itu pada hari Rabu lepas menggantikan Prof Diego Freitas do Amaral dari Portugal yang telah menamatkan penggalnya.

Tengku Ahmad Rithauddeen berkata Razali telah mempertahankan dasar-dasar Piagam PBB sejak dilantik menjadi Wakil Tetap Malaysia ke PBB pada tahun 1988. Malaysia mendukung penuh piagam itu dan telah berjaya menyuarakan pendiriannya dalam beberapa isu.

UNMA yakin di bawah Razali, UNGA ke-51 akan mencapai tahap yang lebih tinggi lagi dalam usaha-usaha untuk membawa keamanan, pembangunan dan kestabilan kepada dunia, katanya.

Sementara itu, golongan karyawan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menyifatkan ucapan sulung Razali di perhimpunan itu sebagai satu langkah yang memartabatkan bahasa Melayu di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ketika berucap di perhimpunan itu, Razali, dengan berpakaian baju Melayu berwarna ungu muda dan bersongkok, memulakannya dalam bahasa Melayu sebelum meneruskannya dalam bahasa Inggeris.

Menurut Ketua Pengarah DBP Abdul Aziz Deraman, usaha beliau sepatutnya dijadikan contoh dan amalan pemimpin lain untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia.

Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) berpendapat perlantikan Razali itu merupakan kejayaan besar dasar luar Malaysia serta peranan yang dimainkan oleh Wisma Putra.

Menurut Presidennya Yazid Othman, pengakuan Razali untuk melaksanakan kerja dengan proaktif memberi harapan bahawa kebebasan bersuara dan melaksanakan keputusan ramai akan dihormati dunia, terutamanya kuasa-kuasa besar.

"Kita berharap Tan Sri Razali Ismail akan dapat memainkan peranan sebagai pelaksana demokrasi dan bukannya menjadi alat demokrasi di PBB dan menjadikannya lebih berkesan kerana akhir-akhir ini peranan badan dunia itu semakin dipersoal kewibawaannya oleh sebab amalan-amalan 'double-standard' mengikut telunjuk kuasa-kuasa besar tertentu dalam menangani isu-isu penting dunia," katanya. -- BERNAMA

RAZ WAT